

# PROGRAM SOKONGAN SAKSI

- > Siapa yang dimaksudkan sebagai saksi rentan?
- > Bagaimana Program ini berfungsi?
- > Apa yang boleh dijangkakan di bawah Program ini jika anda seorang saksi rentan
- > Apa yang tidak seharusnya dijangkakan dari Program ini



# PROGRAM SOKONGAN SAKSI

## PENGENALAN

Program Sokongan Saksi<sup>1</sup> ini menyediakan sokongan kepada saksi-saksi rentan dalam kes jenayah di mana mereka perlu memberi keterangan di Mahkamah terhadap para pelaku(-pelaku) mereka, iaitu orang(-orang) yang tertuduh.

Program ini dijalankan oleh sukarelawan dari Agensi-Agensi Perkhidmatan Sosial (SSA) seperti Pertubuhan Kanak-Kanak Singapura dan Pusat Keadilan Masyarakat.

Sokongan kepada saksi di bawah Program ini adalah menerusi seorang Sukarelawan Sokongan (VSP). VSP tersebut adalah seorang sukarelawan yang direkrut oleh SSA.

Program ini diselaras dan diuruskan oleh Mahkamah Negara dan ianya percuma.

## Siapa yang dimaksudkan sebagai saksi rentan?

Program ini menyediakan sokongan emosi kepada para saksi rentan di mana mereka diperlukan untuk memberi keterangan di Mahkamah. Berikut adalah golongan saksi rentan yang dimaksudkan:

- > Kanak-kanak di bawah umur 18 tahun atau orang dewasa yang disahkan mempunyai keupayaan mental bawah usia 18 tahun;
- > Mangsa warga emas 65 tahun ke atas;
- > Saksi yang didiagnosis mempunyai isu-isu kesihatan mental;
- > Saksi yang mungkin telah melalui trauma akibat kesalahan yang didakwa (umpamanya, yang berkaitan dengan keganasan dan/atau kesalahan seksual);
- > Saksi yang kelihatan dalam tekanan emosi yang teruk semasa perbicaraan


---

<sup>1</sup> Program Sokongan Saksi ini menggantikan Program Sokongan Saksi Rentan.

## Bagaimana Program ini berfungsi?

- > Kanak-kanak di bawah umur 18 tahun atau orang dewasa yang disahkan mempunyai keupayaan mental bawah usia 18 tahun;
- > Mangsa warga emas 65 tahun ke atas;
- > Saksi yang didiagnosis mempunyai isu-isu kesihatan mental;

### Saksi-saksi yang dalam golongan



- > Saksi yang mungkin telah melalui trauma akibat kesalahan yang didakwa (umpamanya, yang berkaitan dengan keganasan dan/ atau kesalahan seksual);
- > Saksi yang kelihatan dalam tekanan emosi yang teruk semasa perbicaraan

**Pegawai Siasatan/Pendakwa/Peguambela** akan mengenal pasti kes yang sesuai, memuat turun borang persetujuan yang terdapat di [www.judiciary.gov.sg/forms/forms-details/wsp-referral](http://www.judiciary.gov.sg/forms/forms-details/wsp-referral) dan meminta persetujuan daripada ibu bapa/wali/penjaga saksi.



**Pegawai Siasatan/Pendakwa/Peguambela** akan menghantar borang persetujuan yang telah lengkap diisi ke Mahkamah Negara menerusi emel.



**Mahkamah Negara** akan merujuk kes yang wajar kepada SSA yang bersesuaian. Seorang VSP yang sesuai akan ditugaskan berdasarkan keperluan saksi itu.

**VSP** yang ditugaskan untuk saksi itu akan menghubungi saksi tersebut atau ibu bapanya/walinya/penjaganya (mana yang berkenaan).

**VSP** akan mengaturkan kunjungan ke Mahkamah Negara untuk saksi membiasakan dirinya dengan persekitaran dan memberikannya taklimat mengenai prosedur mahkamah.

## **Apa yang boleh dijangkakan di bawah Program ini jika anda seorang saksi rentan**

---

- > Satu kunjungan ke Mahkamah Negara (ditemani oleh VSP), diikuti dengan taklimat untuk membiasakan anda dengan persekitaran dan prosedur mahkamah semasa perbicaraan.
- > Hubungan sokongan antara anda dan VSP, yang berusaha untuk membina perhubungan baik dengan anda dan/atau ibu bapa, wali atau penjaga anda.
- > VSP akan menjadi sumber informasi tentang prosedur mahkamah dan akan membantu anda menangani tekanan yang mungkin timbul dari prosiding mahkamah.
- > Mempunyai sokongan seorang VSP yang duduk di belakang anda di dalam mahkamah terbuka atau apabila anda memberi keterangan menerusi pautan video di dalam bilik saksi sepanjang perbicaraan. Ini hanya jika Hakim membenarkan VSP untuk berbuat sedemikian atas permohonan pendakwa atau peguambela.
- > Mendapat sokongan emosi yang berterusan dari VSP, tanpa mengira keputusan kes itu.

## **Apa yang tidak seharusnya dijangkakan dari Program ini**

---

- > Bukti berkaitan dengan perbicaraan itu tidak boleh dibincang antara VSP dan anda, atau ibu bapa, wali atau penjaga anda.
- > VSP tidak boleh memberi nasihat guaman. Jika anda perlukan sebarang nasihat guaman, anda boleh mengunjungi Pusat Keadilan Masyarakat, yang terletak di Tingkat B1 Mahkamah Negara, untuk bercakap dengan seorang peguam sukarela.
- > VSP tidak boleh memberi kaunseling atau rawatan pasca trauma, sama ada sebelum atau semasa perbicaraan. Tetapi, di mana sesuai, SSA boleh merujuk anda ke agensi-agensi yang sesuai untuk kaunseling atau rawatan pasca trauma, setelah perbicaraan itu selesai.

## **Jika anda memenuhi kriteria untuk Program ini**

---

- > Sila berkomunikasi dengan Pegawai Siasatan bagi kes anda supaya beliau boleh membuat rujukan kepada Mahkamah Negara.

Penafian: Penerbitan ini dihasilkan untuk maklumat umum sahaja dan bukan untuk menggantikan nasihat guaman. Seorang peguam perlu dirujuk sekiranya anda memerlukan nasihat guaman mengenai kes anda. Mahkamah Negara menyangkal sebarang dan semua liabiliti yang timbul daripada dan berkaitan dengan kandungan penerbitan ini.

Segala maklumat adalah betul pada **1 Mac 2023**.

**MAHKAMAH NEGARA**  
1 Havelock Square  
Singapura 059724  
Tel: 6 JUSTICE (65878423)  
[www.judiciary.gov.sg](http://www.judiciary.gov.sg)